

**NO. SOALAN : 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perlu Kementerian mengkaji semula keperluan aset untuk operasi bantuan bencana yang dilihat masih belum cukup berkesan membantu mangsa bencana dalam peristiwa banjir besar baru-baru ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kejadian banjir yang telah berlaku baru-baru ini, beberapa isu telah dikenal pasti dan memerlukan penambahbaikan menyeluruh, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan kompetensi dan kemahiran kepimpinan dalam agensi dan jawatankuasa di peringkat daerah, negeri serta pusat seperti kaedah perintah dan kawalan serta persediaan peruntukan perbelanjaan ketika banjir;
- b) membangunkan keupayaan sistem amaran awal yang lebih tepat dan berkeupayaan memberi amaran awal dalam tempoh masa yang lebih lama;
- c) meningkatkan keupayaan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamat dalam keadaan bencana ekstrem antaranya penggunaan bot-bot kecil dan berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius;
- d) menempatkan pegawai berkemahiran dalam pengurusan bencana terutama sekali di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan bencana dapat diselaras dan dikendalikan dengan lebih berkesan; dan

- e) bagi tempoh sederhana dan panjang, Kerajaan akan membina projek-projek pencegahan banjir terutama bagi projek-projek yang mampu menghasilkan pendapatan seperti pembinaan empangan yang boleh menjana bekalan elektrik.

Kerajaan juga sedang mengkaji model terbaik pengurusan bencana yang dipraktikkan oleh beberapa negara yang sering dilanda malapetaka untuk diadaptasi dan digunakan di Malaysia.

Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir dan Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi pelaksana yang sedia ada juga akan dikaji, disemak serta dikemaskini supaya berkeupayaan dalam menghadapi situasi banjir yang ekstrem.

Sekian. Terima kasih.

**RT6/64**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
DARIPADA [ TANJONG MALIM ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah IPTS yang telah ditubuhkan di negara ini. Berapakah jumlah keseluruhan bilangan pelajar yang telah dilatih oleh IPTS sejak penubuhannya.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 28 Februari 2015 terdapat 509 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia yang terdiri daripada 61 buah IPTS bertaraf Universiti, 34 buah Kolej Universiti, 9 buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan 405 buah kolej. Jumlah bilangan pelajar di IPTS sehingga 31 Disember 2014 adalah seramai 535,026 orang di mana 460,030 orang pelajar tempatan dan 74,996 orang pelajar antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian seperti kejuruteraan, perubatan, pendidikan, pengurusan dan lain-lain.